



SIARAN MEDIA

UNIT PENYELARASAN LONJAKAN PRESTASI (PACU) PEJABAT PERDANA MENTERI

KERAJAAN ANUGERAHKAN PENGIKTIRAFAN KEPADA KEMENTERIAN YANG BERJAYA LAKSANAKAN REFORMASI KERENAH BIROKRASI DI BAWAH INISIATIF PASUKAN PETUGAS KHAS REFORMASI AGENSI

**UNTUK SIARAN SEGERA
23 JULAI 2025**

PUTRAJAYA, 23 Julai 2025 – Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar merakamkan penghargaan kepada YAB Perdana Menteri atas pengumuman khas yang memberi manfaat langsung kepada rakyat. Beliau menyifatkan pengumuman tersebut sebagai petunjuk bahawa negara kini berada di landasan yang tepat di bawah kepimpinan Kerajaan MADANI. Sehubungan itu, beliau mengarahkan semua kementerian dan agensi berkaitan untuk memastikan pelaksanaan pengumuman ini diselaras secara cekap dan pantas agar matlamat membantu rakyat dapat dicapai sepenuhnya.

Komitmen Kerajaan MADANI dalam memerangi kerenah birokrasi terus menunjukkan hasil apabila sebanyak 97 projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) telah dilaksanakan di bawah kerangka Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA). Reformasi ini berjaya menghasilkan penjimatan kos pematuhan sebanyak RM873.5 juta setahun, sekali gus mempercepat urusan rakyat dan perniagaan serta melonjakkan produktiviti negara.

Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) Bilangan 6 Tahun 2025 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar hari ini turut menyaksikan penyampaian sijil pengiktirafan RKB kepada kementerian yang berjaya melaksanakan projek reformasi berimpak tinggi.

Empat kementerian yang menerima pengiktirafan tersebut adalah:

- i. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM): Pendigitalan proses dan data agensi seperti Jabatan Perikanan dan FAMA bagi mempercepat kelulusan serta pengagihan bantuan kepada petani dan penternak sehingga 50% lebih pantas.

- ii. Kementerian Kerja Raya (KKR): Tempoh penilaian tender dipendekkan daripada 35 hari kepada 18 hari, menjimatkan kos pematuhan tahunan lebih RM1.1 juta dan meningkatkan aliran tunai serta kecekapan pelaksanaan projek.
- iii. Kementerian Perpaduan Negara (KPN): Proses penilaian Rukun Tetangga dipercepat daripada 90 hari kepada 30 hari, menyokong pelaksanaan program komuniti berimpak tinggi.
- iv. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC): Kelulusan kenderaan pelancongan di Sabah, Sarawak dan Labuan dipercepat daripada 5 hari kepada 1 hari, menjimatkan kos pematuhan RM160,000 setahun dan menyokong pertumbuhan industri pelancongan tempatan.

Mesyuarat turut membincangkan isu strategik seperti cadangan menangani aktiviti penyeludupan ternakan di sempadan Malaysia – Thailand serta penggubalan Akta Koperasi baharu bagi menggantikan Akta 502. Pembentangan makluman juga dibuat berkenaan status Akta ILTIZAM Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan, pembangunan Indeks Prestasi Perkhidmatan Awam (I-PPA) dan hasil Mesyuarat Peringkat Tertinggi ARPA (High Level Committee) Bilangan 1/2025 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

STAR yang diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri bersama Unit Pantau MADANI (PMU) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), akan terus memperkasa pendekatan *whole-of-government* bagi memastikan pelaksanaan dasar dan projek reformasi awam dapat disegerakan, dipantau dan dinilai secara sistematik.

Reformasi, Satu Kemestian!

Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR)
Putrajaya

23 Julai 2025

